

# PNS sasar latih 10,000 usahawan

## Program latihan Akademi Francais perkukuh profesionalisme francais

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bharian.com.my

**A**KADEMI Francais yang ditubuhkan Perbadanan Nasional Bhd (PNS) bagi membangunkan kumpulan profesional dalam industri francais, akan melalui rancangan pembangunan lebih agresif menerusi pelan lima tahun ke arah menjadi pusat francais Asia menjelang 2016.

Ketua Akademinya, Dr Suhaimi Sulaiman, berkata PNS menyasar melatih sehingga 10,000 usahawan serta meningkatkan profesionalisme di kalangan usahawan francais sedia ada, menerusi kursus dan program latihan dalam industri francais yang diperkukuhkan.

Katanya, PNS juga menyasarkan untuk menjana pendapatan berjumlah RM9 juta dalam tempoh lima tahun ini, yang mana 65 peratus daripadanya diperoleh melalui program latihan francais dan selebihnya bagi program latihan bukitan teras yang terbuka kepada kakitangan serta orang ramai.

"Akademi francais memainkan peranan penting dalam Teras Utama bagi Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional yang dilancarkan baru-baru ini, bagi membangunkan kecekapan modal insan francais.


"Berdasarkan peranan ini, PNS

akan melaksanakan pelbagai program pembangunan lebih serius termasuk memperkenalkan program francais kami untuk diterima pakai oleh semua universiti di seluruh negara, selain menjadi pusat pengajian tinggi sepenuhnya menjelang 2016. Ketika ini, Akademi Francais adalah antara bahagian di bawah PNS," katanya kepada *Berita Harian*, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, setakat ini panel penasihat Akademi Francais membangunkan 11 modul pembelajaran bagi melatih francais yang terbahagi kepada empat peringkat untuk ditamatkan peserta, manakala modul bagi francaisor masih dalam pembangunan dengan kerjasama syarikat perunding dari luar.

Katanya, setakat ini, PNS memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mengeluarkan Diploma Eksekutif Francais kepada pelajar yang berjaya menamatkan kesemua 11 modul pembelajaran itu.

"Kami juga ke arah memeterai perjanjian sama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dijangkakan sebelum akhir tahun ini," katanya modul berkenaan akan turut diperluaskan



*Setakat tahun lalu, Akademi Francais melatih 1,400 orang dalam bidang francais, dan 10 daripadanya berjaya membuka perniagaan sendiri merangkumi bidang perhotelan, restoran dan kesihatan*

Suhaimi Sulaiman  
Ketua Akademi Francais

bagi pelajar tahun akhir di politeknik seluruh negara.

Dalam pada itu, Suhaimi berkata, setakat tahun lalu, Akademi Francais melatih kira-kira 1,400 orang dalam bidang francais, dan 10 daripadanya berjaya membuka perniagaan sendiri yang merangkumi bidang perhotelan, restoran dan kesihatan.

"Bukan itu saja, menerusi kaji selidik, usahawan francais yang mengikuti program latihan dan motivasi PNS juga didapati berjaya meningkatkan jualan mereka serta menguruskan perniagaan dengan lebih baik.

"Namun apa yang lebih penting, setakat ini PNS tidak berdepan se-

barang masalah dalam mengutip semula pinjaman daripada peminjam yang mengikuti latihan francais daripada Akademi Francais, ini kerana mereka disemaikan mengenai pentingnya sikap membayar balik pinjaman bagi memberi peluang kepada bakal usahawan yang lain," katanya.

Beliau berkata, PNS menyasarkan pendapatan sebanyak RM1.4 juta tahun ini diikuti RM2 juta (2013), RM2.5 juta (2014) dan seterusnya meningkat sehingga mencapai RM9 juta pada akhir 2016, selain membangunkan lebih ramai pelatih di kalangan kakitangan PNS bagi mengurangkan kebergantungan kepada pelatih luar.